



Membina Akhlak dan Minda Dengan Pendidikan Agama

MENYEMAI nilai-nilai murni dan membina minda umat Islam yang cemerlang. Begitulah impian Masjid Khalid dalam menganjurkan pelbagai program agamanya untuk para pelajar dan jemaah.

Imam Eksekutif Masjid Khalid, Ustaz Anwar Hussain Ismail Ghanezy berkata masjid itu kini menjalankan pelbagai program agama, termasuk:

Pengajian Halaqah

Pengajian Halaqah Hujung Minggu yang dikendalikan 14 asatizah ini kini menarik lebih 400 pelajar mulai usia 7 tahun. Ia merangkumi subjek fiqh, tauhid, tasawuf, tafsir dan hadis. Para pelajarnya turut menduduki peperiksaan dalam pengajian selama lima tahun ini.

Program 'Ask Ustaz'

Terbaru, masjid itu turut memperkenalkan program 'Ask Ustaz' (Tanya Ustaz) yang membolehkan orang ramai bertanyakan kemusykilan agama melalui laman web dan aplikasi 'Ask Ustaz' masjid itu di telefon bimbit.



Ustaz Anwar Hussain Ismail Ghanezy

Kemusykilan agama ini dijawab oleh Ustaz Anwar setiap minggu selepas solat Jumaat dan menerusi rakaman video **Facebook Live!**

Ustaz Anwar menarik perhatian bahawa orang ramai termasuk umat Islam hari ini, terdedah kepada informasi di alam nyata dan alam maya dan ramai mudah terkeliru dengan pelbagai fahaman dan ideologi dalam keadaan geopolitik hari ini. Ini termasuklah pelbagai berita palsu mengenai Islam, krisis peperangan di Syria, ancaman pengganasan serta kemasukan ideologi Barat seperti feminisme dan liberalisme.

"Oleh itu, pendakwah agama perlu berilmu dan menanganinya dengan bijak untuk menggalak perpaduan," ujarinya. Anda boleh mengikuti kemusykilan agama 'Ask Ustaz' di: [facebook.com/masjidkhalidsg](https://www.facebook.com/masjidkhalidsg)

Program Agama Lain

Pegawai Dakwah masjid itu, Ustaz Muhammad Aunurrafiq Saimawi berkata masjid itu turut menganjurkan kuliah selepas zuhur dan maghrib. Ia juga

mengadakan majlis iftar Ramadan serta sambutan hari kebesaran Islam seperti Maulidur Rasul dan Israk Mikraj.

"Sempena sambutan 100 tahun masjid ini, kami berharap dapat terus mengadakan program agama yang bermutu dalam tahun-tahun akan datang untuk membina Muslim berilmu dan berakhlak baik," ujarinya.

